

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan setiap cadangan yang terkandung dalam Laporan RCI Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah terutama sekali cadangan untuk menggantikan Kad Pengenalan yang ada sekarang kepada yang baru dan bercirikan digital.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkaitan cadangan pertama Laporan Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah, pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) pada 3 Disember 2014.

2. Bagi pelaksanaan cadangan kad pengenalan khas kepada pendatang tanpa izin pula, Mesyuarat JKPWAS pada 12 Mei 2015 telah bersetuju pelaksanaan Pas Residen kepada pendatang asing di Sabah untuk mengelak risiko pemalsuan dokumen. Pas Residen ini kemudiannya

## SOALAN NO : 22

telah ditukar nama kepada Pas Residen Sementara Sabah (PRESS) pada tahun 2016.

3. Pada tahun 2019, PRESS telah ditukar nama kepada Pas Sementara Sabah (PSS) dengan matlamat menggabungkan semua pemegang kad IMM13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-burung yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri dan Kad Banci yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Walau bagaimanapun, pelaksanaan PSS ini telah dibatalkan pada 22 Januari 2020.

4. Penyelesaian bagi isu pengurusan warga asing di Sabah ini memerlukan kerjasama dan komitmen antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah melibatkan isu penyeragaman dokumen, kewarganegaraan dan rundingan dengan Perwakilan Asing seperti Filipina dan Indonesia. Selain itu, *political will* serta komitmen yang tinggi daripada semua pihak termasuk daripada pemimpin politik, ketua-ketua masyarakat dan kaum adalah perlu dalam mencari persamaan dan kesepakatan bagi menyelesaikan isu ini.

5. Dalam hal ini, hasil libat urus dan penelitian oleh Kerajaan Negeri Sabah ini akan dibincangkan semula dalam JKPWAS-Teknikal yang akan datang sebelum dibentangkan dalam JKPWAS-Induk untuk pengesahan. Selepas itu, JKPWAS-Induk akan mencadangkan mekanisme penyelesaian isu pengurusan warga asing di Sabah untuk persetujuan dan keputusan Sidang Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.